

ARKIB : 07/11/2008

## P. Pinang terus dibidas isu papan tanda

KUALA LUMPUR 6 Nov. – Kerajaan Negeri Pulau Pinang dibidas kerana menyamakan tindakan mereka yang meletakkan papan tanda pelbagai bahasa di Tapak Warisan Dunia di George Town, sama dengan langkah yang diambil oleh Kementerian Pelancongan.

Menteri Pelancongan, Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, kementerian itu bertanggungjawab ke atas pemasangan papan tanda penerangan pelancong dalam beberapa bahasa di lokasi tertentu sahaja.

Bagaimanapun, katanya, bahasa Melayu masih kekal sebagai bahasa rujukan utama sama ada melalui papan tanda pelancongan atau risalah pelancongan dalam beberapa bahasa yang disediakan kementerian itu.

“Cadangan supaya mempelbagaikan bahasa pada papan tanda jalan dan nama-nama tempat merupakan satu usaha baik yang perlu diadakan demi meningkatkan jumlah pelancong asing ke Malaysia.

“Namun begitu, kerajaan tidak pernah berkompromi dengan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan,” katanya ketika menjawab soalan Datuk Seri Azmi Khalid (BN-Padang Besar) berhubung cadangan mempelbagaikan bahasa pada papan tanda jalan dan nama tempat untuk kemudahan pelancong.